

PROJEK
PEMBINAAN **SURAU**
AL-KHOLIDI



KERTAS CADANGAN
wakaf pembangunan surau al-kholidi
dari MAAHAD TAHFIZ AL-KHOLIDI



”Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan ALLAH dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang di timpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak di timpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya) dan (ingatlah), ALLAH sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan.” { Surah Al-Baqarah, Ayat 265 }

DARI-MEJAMUDIR

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKATUH,
MUSLIMIN/MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH S.W.T.

Mudah-mudahan kita semua sentiasa dirahmati
ALLAH S.W.T.

Alhamdulillah, dengan izin ALLAH S.W.T., Maahad Tah-
fiz Al-Kholidi sedang berusaha mengumpulkan dana
bagi menyiapkan Fasa III, iaitu PROJEK PEMBINAAN
SURAU AL-KHOLIDI, dimana kosnya dianggarkan ber-
jumlah RM350,000.00 (RINGGIT MALAYSIA TIGA RATUS
LIMA PULUH RIBU).

Saya mendoakan agar ALLAH S.W.T. memilih tuan/
puan untuk menginfakkan harta bagi menjayakan
pembinaan surau ini dimana inilah sumbangan kita
kepada agama ALLAH S.W.T. yang menuntut kita

untuk mengajak manusia kepada kebajikan dan
mencegah kemungkaran.

Marilah kita sama-sama membangunkan agama AL-
LAH S.W.T. dan mudah-mudahan ia menjadi amalan
yang diredhai ALLAH S.W.T.

Sekian , wassalam.

**Ustaz Yunus
Kamaruddin**

MUDIR
Maahad Tahfiz Al-Kholidi

MISIUTAMA

- Menyediakan pusat hafazan Al-Quran untuk semua peringkat umur
- Menyediakan pusat pengajian ilmu-ilmu Islam
- Melahirkan seorang muslim yang soleh di setiap aspek kehidupan
- Membantu sistem pendidikan yang sedia ada dan membaik-pulihkannya mengikut tuntutan Islam
- Menguruskan dana, sumbangan dan derma supaya ia menjadi sebahagian saham di akhirat.
- Mendidik penduduk setempat menghayati pengajian Al-Quran dan semua pengetahuan yang berkaitan dengannya.



PROGRAM PENDIDIKAN

PENGAJIAN

HAFAZAN 30 JUZUK
USULUDDIN
FIQH
TASAWUF

Bagi melahirkan generasi Al-Hafiz yang tinggi ilmu, dan memastikan ilmu itu dipraktikkan dalam kehidupan seharian mengikut batasan hukum agama Islam.

Mudah-mudahan generasi ini dapat mengharungi masa depan yang lebih mencabar dengan pengetahuan dan amalan yang mantap, InshaALLAH

KEHIDUPAN

BUDI PEKERTI & AKHLAK
DISIPLIN
KEBERSIHAN
RIADAH & SUKAN

Ilmu pengetahuan akan dilengkapi dengan akhlak dan budi-pekerti yang mulia agar dapat dijadikan contoh kepada masyarakat.

Disiplin dan kebersihan akan memastikan mereka ini menjadi insan yang dipandang tinggi serta dihormati.

AMALI

PUASA ISNIN & KHAMIS
SOLAT JEMAAH 5 WAKTU
MAWLID & QASIDAH
SOLAT SUNAT DHUHA, TASBIH, TAHAJUD, DSB

Amalan seharian diberi perhatian utama supaya mereka akan menjadi umat yang soleh.

dengan penuh istiqomah dari peringkat awal lagi, amalan ini akan menjadi sebatik dalam kehidupan seharian mereka, InshaALLAH

AKAN DATANG:
BAHASA ARAB
PENGAJIAN DI LUAR NEGARA
TAHFIZ DEWASA/PENCEN
KEM LATIHAN IBADAT
PENGAJIAN KITAB PONDOK
KURSUS JANGKA PENDEK

Program pendidikan tahfiz ini berteraskan Hafazan Al-Quran 30 Juzuk. Kami sangat mengutamakan ketinggian akhlak atau budi pekerti mengikut lunas-lunas agama Islam.

Oleh itu disamping pengajian kitab-kitab usuluddin, fikh dan tasawuf kami mewajibkan para pelajar berpuasa di setiap Isnin dan Khamis. Begitu juga solat berjamaah lima waktu, menguzurkannya adalah satu kesalahan yang besar.

Hidup dengan penuh berdisiplin adalah perancangan dan cita-cita kami terha-

dap para pelajar. Kerana itu pakaian mereka juga diambil kira dengan memberikan perkhidmatan cucian dan menggosok pakaian demi memastikan kebersihan mereka terjamin.

Bagi memastikan para pelajar sentiasa sihat dan ceria sewaktu belajar, mereka dibenarkan bersukan dan menjalankan aktiviti riadah seperti bermain bola, badminton, takraw dan lain-lain pada setiap petang selepas solat asar.

PELAN ARKITEK

wakaf pembangunan masjid al-kholidi

MAAHAD TAHFIZ AL-KHOLIDI

KOS & KELUASAN/HUBUNGI KAMI
wakaf pembangunan masjid al-kholidi
MAAHAD TAHFIZ AL-KHOLIDI

KELUASAN & ANGGARAN KOS

BUTIRAN AKAUN

Nama Akaun : PUSAT TAHFIZ
AL-KHOLIDI
Maybank : 5622 0961 4495
Bank Islam : 1211 3010 041234



KELUASAN PEMBINAAN

Anggaran keluasan pembinaan dari rekabentuk ini adalah:

90' X 58' : 5220 ft²

KOS PEMBINAAN

Anggaran kos pembinaan dari rekabentuk ini adalah:

RM 350,000.00
(TIGA RATUS LIMA PULUH
RIBU)

HUBUNGI KAMI

ALAMAT

MAAHAD TAHFIZ AL-KHOLIDI
Lot 1175 kg Hulu Kalong
44300 Ulu Yam Baharu
Selangor Darul Ehsan

MUDIR

Ustaz Yunus Kamaruddin
TEL: +6013 349 9200
EMAIL: ykfenan@gmail.com